LE - F4014 - 03

NO. DAFTAR: 3/WL2/ 1/32

**Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999**
**(Seksyen 43(1) )**

## KEBENARAN BERTULIS AKTIVITI PENGUBAHAN SUMBER

**No. Kebenaran Bertulis : (B) KAPS 000120**

1. Bahawasanya Lembaga Urus Air Selangor (kemudian daripada ini disebut sebagai "Lembaga") pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 43(1) Enakmen Lembaga Urus Air Selangor [*Sel.En.No2/1999*] (kemudian daripada ini disebut ("Enakmen tersebut") dan bagi melaksanakan semua fungsi dan kuasa yang diberikan kepadanya untuk tujuan tersebut, adalah dengan ini memberikan kelulusan Kebenaran Bertulis Aktivti Pengubahan Sumber kepada:-

**KUMPULAN SEMESTA SDN BHD [822993-H],**
**TINGKAT 5, BANGUNAN DARUL EHSAN,**
**NO. 3 JALAN INDAH, SEKSYEN 14,**
**40000 SHAH ALAM**

(kemudian daripada ini disebut "Pemegang Kebenaran Bertulis") suatu kebenaran untuk:

a. Menjalankan Aktiviti Pengorekan Pasir Sungai;

b. Aktivti tersebut adalah dibenarkan pada lokasi : di Sungai Langat di kawasan Bukit Changgang, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat dari CH 00.00m hingga CH 2000.0m sahaja pada jarak operasi sepanjang 2 km;

c. Sebagaimana yang ditunjukkan di dalam Skim Laporan Cadangan Skim Operasi Corigali Sungai; Ogos 2013; di dalam pelan No. Pelan KCS/AE/140 /D011/R001.

Tertakluk kepada hak sedia ada berkenaan dengan aktiviti dan di kawasan yang dinamakan di atas, Lembaga dengan ini memberi Pemegang Kebenaran Bertulis hak menjalankan aktiviti yang dinyatakan di atas tertakluk kepada terma dan syarat yang tertera di *LAMPIRAN* atas peruntukan di dalam Enakmen tersebut, Peraturan- peraturan di bawahnya atau mana-mana syarat lain yang akan dikeluarkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

2. Kebenaran bertulis ini berkuatkuasa mula 16 NOVEMBER 2013 hingga 15 NOVEMBER 2014. Kebenaran bertulis ini hendaklah diperbaharui dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh dan diperbaharui bagi tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga.

3. Tiada satu pun di dalam kebenaran bertulis ini boleh melepaskan Pemegang Kebenaran Bertulis untuk melaksanakan hak dan tanggungjawabnya kepada mana-mana pemegang kebenaran bertulis lain sebagaimana yang diberikan kepadanya di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

[redacted]

..............................................

*Lembaga Urus Air Selangor*